

Mulakan bekerja dari bawah

Peringatan Tuanku Canselor kepada graduan UTHM

Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Hussein Onn Malaysia (UTHM), merakamkan ucapan tahniah kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing ketika bertemu pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen ke-17 UTHM yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim pada 14 Oktober lalu.

Tuanku Canselor juga mengingatkan graduan agar tidak mensia-siaakan masa dan tenaga dan tidak terlalu memilih pekerjaan selain berusaha dengan lebih gigih untuk membahagikan lagi pengalaman bekerja.

"Mulakan bekerja dari bawah, bukan memilih hendak terus duduk di atas ijazah yang saudara-saudari ada kerana ia tidak akan menjenjangkan pekerjaan yang baik atau pendapatan yang lumayan jika tidak disertakan dengan usaha yang bersungguh-sungguh," titah baginda.

Istiadat konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 4,272 siswazah menerima sijil

masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (81), sarjana (341), sarjana muda (3260) dan diploma (590). Beberapa anugerah seperti Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Canselor, Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Sri Satri Paduka Hjh Aishah Ghani, Anugerah Hadiah Buku Yayasan UTHM, Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Anugerah Khas Alumni UTHM (kategori pelajar), Anugerah Board of Engineers Malaysia (BEM) dan Anugerah UTHM Holdings turut diberikan kepada graduan terpilih.

Terima anugerah tertinggi

Aktif bersukan sehingga mewakili negeri tidak menghalang Muhammad Hariz Mohd Sharif, 24, meraih Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Hariz, pemengaruh emas skuad dayung Johor di Sukan Malaysia (Sukma) 2013, berkata, tidak pemah menyangka mampu meraih anugerah akademik tertinggi itu berikutan sering menghabiskan masa berlatih untuk persiapan pertandingan.

"Alhamdulillah, walaupun sering ketinggalan kelas sehingga dua minggu pada setiap semester berikutan mengikuti pelbagai latihan dan pertandingan baik di dalam negara serta di luar negara, saya masih mampu mencapai keputusan Cemerlang," katanya.

Hariz yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) berkata, dia mula aktif dalam sukan dayung ketika mengikuti pengajian diploma di UTHM.



Tiga penerima anugerah tertinggi mengabadikan kenangan bersama Tuanku Canselor, dari kiri: Tan Tee How, Puteri Najihah Adnan dan Muhammad Hariz (kanan).



PROF. DR. MAZLAN

"Apa yang saya lakukan adalah belajar dengan lebih awal sebelum bertemu pensyarah untuk bertanya pelajaran mahu pun ujian yang tertinggi selain mengulang kaji pada waktu subuh setiap hari.

"Anugerah ini juga membuktikan aktiviti dalam aktiviti kokurikulum tembusan sukan tidak akan mengganggu pengajian asaskan pandai membahagikan masa dan berusaha gigih mencapai kecemerlangan," katanya yang kini bekerja sebagai jurutera projek di Selangor.

Sementara itu, seorang lagi penerima Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada konvokesyen UTHM kali ini, Tan Tee How berkata, tiada rahsia tertentu untuk mencapai kecemerlangan selain menumpukan sepuh perhatian di kelas ketika pensyarah mengajar.

Beliau yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam berkata, apa yang penting bagiinya adalah memahami konsep dan teori pembelajaran dengan jelas.

"Saya tidak mengamalkan kaedah menghafal fakta pelajaran dan kurang gemar membaca buku berkali-kali bagi mengingati setiap pelajaran yang diajar.

"Saya juga tidak suka berada dalam tekanan akibat belajar dan sering menghabiskan masa menonton rancangan televisyen kegemaran bagi memudahkan belajar dan menumpukan perhatian di kelas," katanya.

Penerima dua anugerah serentak iaitu Anugerah Sultan Ibrahim dan Anugerah Naib

Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

Sementara itu, UTHM juga telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Elektrik) kepada Prof Dr Mazlan Abbas dalam sidang pertama konvokesyen yang berlangsung di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk universiti.

Gelaran tersebut dikurniakan kepada Prof Dr Mazlan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan penglibatan beliau dalam pembangunan akademik dan penyelidikan, inovasi dan solusi produk, pengurusan teknologi serta operasi perangkaian di peringkat universiti, negara dan antarabangsa.

Prof Dr Mazlan merupakan seorang pakar dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Telekomunikasi) khususnya dalam bidang Internet of Things (IoT). Beliau berjaya membangunkan sebanyak 39 prototaip penyelidikan sepanjang berkhemmat di Mimos Berhad. Beliau juga merupakan antara pengasas bagi perubahan syarikat Favorit Sdn Bhd. Menerusi IoT Favorithealth yang ditubuhkan, platform ini berfungsi untuk mengawal dan memantau maklumat kesihatan serta keselamatan pesakit.

Di UTHM, anak kelahiran Johor Bahru ini juga bergiat aktif dalam program-program akademik, khususnya di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) sehingga beliau mendapat pengiktirafan dari Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau sering dijemput sebagai panel pembentang dan pengucaplam sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Sumbangan beliau telah diiktiraf World CSR 2017 apabila berjaya menduduki tempat ke-50 bagi kategori Most Impactful Smart Cities Leaders, hasil idea beliau dalam membangunkan bandar pintar, mendapat kedudukan ke-20 untuk The Internet of Things - Top 100 Thought Leaders dan menduduki tempat ke-10 teratas dalam IoT Top 100 Influencers serta di kedudukan 100 teratas dalam Smart Cities Top Expert.



Keceriaan terpancar di wajah sebahagian graduan pada majlis pengijazahan mereka.